

**Kelembapan ekonomi global 2012?  
Utusan Online  
Februari 01, 2012  
Oleh AINUL ASNIERA AHSAN**

KUALA LUMPUR 31 Jan. - Para profesional kewangan percaya kelembapan ekonomi global akan berlaku pada 2012, selepas tinjauan sukuan yang dijalankan menunjukkan perdagangan antarabangsa terus merosot pada akhir tahun lalu.

Tinjauan terbaharu itu membabitkan 3,775 akauntan profesional, termasuk 1,414 eksekutif kanan di seluruh dunia, hasil kerjasama antara dua badan profesional iaitu Persatuan Akauntan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Institut Pengurusan Akauntan.

Ketua Negara ACCA Malaysia, Jennifer Lopez berkata, pandangan profesional itu membawa gambaran serius terhadap ekonomi dunia.

Menurut beliau, hampir tiga suku daripada profesional kewangan itu percaya ekonomi global kini sama ada merosot atau statik, dengan hampir separuh melaporkan kehilangan keyakinan terhadap prospek dalam organisasi masing-masing pada suku keempat 2011.

"Kehilangan keyakinan paling besar dari Hong Kong, Singapura dan Cyprus, semua negara terdedah dengan ketara kepada aktiviti kewangan merentas sempadan dan perdagangan antarabangsa.

"Juga dilaporkan terdapat sebahagian persepsi buruk terhadap ekonomi global, sebahagian lain menyatakan perdagangan antarabangsa menyusut," kata Naib Presiden Penyelidikan IMA, Dr. Raef Lawson.

Tinjauan juga mendapati profesional dalam firma-firma utiliti, yang memberi fokus domestik dan agak teguh kepada keadaan ekonomi melaporkan beberapa keyakinan kukuh semakin bertambah.

Firma-firma komunikasi, teknologi maklumat dan farmaseutikal pula adalah antara syarikat yang menerima tamparan paling hebat.

Responden di Malaysia pula melaporkan penurunan keyakinan dan sentimen ekonomi semakin besar, selaras dengan rantau Asia Pasifik luas.

Hanya lapan peratus sahaja yang menyatakan keyakinan kepada prospek organisasi yang semakin meningkat pada penghujung 2011, berbanding 50 peratus yang melaporkan semakin hilang keyakinan.

Lebih tiga suku (76 peratus) berpendapat kelembapan ekonomi, menjadikan Malaysia di kalangan pasaran ACCA/IMA paling optimistik dalam sentimen ekonomi.

Perbelanjaan kerajaan diramal akan meningkat secara signifikan dalam tempoh lima tahun lagi, meskipun kebanyakan responden secara amnya tidak yakin kenaikan itu akan stabil.

Ekoran daripada keputusan itu, penilaian kepada polisi kerajaan adalah negatif.

Pada peringkat serantau, Eropah Tengah dan Timur mengalami prestasi buruk dalam aspek keyakinan perniagaan dan rantau Asia Pasifik pula kehilangan keyakinan lebih pantas berbanding Eropah Barat.

Afrika, Timur Tengah dan Asia Selatan kekal sebagai rantau paling optimistik, dalam keyakinan perniagaan dan persepsi responden negara terhadap ekonomi global.

Manakala responden-responden di beberapa rantau berkata, terdapat tanda-tanda menggalakkan daripada tahap daya saing tempahan-tempahan baharu, kerosakan yang berlaku kepada permintaan global tahun lalu cukup banyak.

"Selepas tiga suku menunjukkan kelemahan dalam permintaan, kesan kumulatif bermula kepada perniagaan, dengan bank-bank di serata dunia mengawal kewangan untuk kecukupan modal menjadi cabaran sekarang.

"Keputusan ini adalah tinjauan merosot untuk aliran tunai perniagaan seluruh dunia, yang boleh jadi memacu kepada pertambahan kegagalan perniagaan. Tekanan inflasi yang berterusan dua tahun lepas kini berkurangan, tetapi sebab-sebab tersembunyi membimbangkan memandangkan kenaikan dalam kos-kos operasi," tambah Lopez.

Selari dengan kelembapan unjuran, kesimpulan tinjauan menyaksikan trend kelembapan dalam pengambilan pekerjaan dan pelaburan global.

Bagi ACCA dan IMA ia adalah sesuatu yang membimbangkan kerana dua petunjuk ini kekal lemah sejak tiga tahun lalu dan genting kepada mana-mana pemulihan stabil.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0201&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0201&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm)